

30/08/1998

Dr M tidak hadir di sidang NAM

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam berkata beliau tidak akan menghadiri sidang kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) ke-12 di Durban, Afrika Selatan.

"Banyak perkara yang perlu saya lakukan ... saya penat, saya letih," katanya sambil menambah, sejak kebelakangan ini beliau banyak melawat negeri.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mewakili Dr Mahathir dan membacakan ucapannya, kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas menutup Seminar Perkhidmatan dan Produk Kewangan Islam di Institut Kefahaman Islam.

Dr Mahathir sepatutnya berlepas ke Durban Selasa.

(END)